



## SIARAN MEDIA

---

### **353 PROGRAM DIPLOMA VOKASIONAL MALAYSIA (DVM) DI KOLEJ-KOLEJ VOKASIONAL SELURUH NEGARA DIBERI AKREDITASI MBOT, TANDA KOMITMEN TERHADAP KUALITI PENDIDIKAN TVET**

---

**PUTRAJAYA, 9 JANUARI 2025** – Sebanyak 353 program Diploma Vokasional Malaysia (DVM) di Kolej-kolej Vokasional (KV) seluruh negara telah menerima akreditasi semula yang dijalankan oleh Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT). Proses penilaian akreditasi ini telah berlangsung pada bulan Mei sehingga September tahun lalu.

Akreditasi ini mencerminkan komitmen Kolej-kolej Vokasional dalam menyediakan pendidikan teknikal berkualiti dan memastikan graduan dilengkapi kemahiran relevan dengan keperluan industri. Ia juga merupakan langkah penting untuk meningkatkan kualiti pendidikan TVET dan melahirkan graduan yang bukan sahaja mahir dalam pendekatan *hands-on*, tetapi juga mampu beradaptasi dengan cepat dalam dunia pekerjaan yang semakin mencabar.

Dengan kelulusan akreditasi ini juga, para graduan daripada program-program ini turut berpeluang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda Teknologi di universiti-universiti terkemuka dalam Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) seperti Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), dan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

Dalam penilaian akreditasi, MBOT menggunakan Standard Akreditasi Teknologi dan Teknikal yang telah dibangunkan dengan menilai tujuh aspek utama iaitu **reka bentuk dan penyampaian program, penilaian pelajar, pemilihan pelajar, tenaga pengajar, sumber pendidikan, pengurusan program, dan sistem pengurusan kualiti**.

Dengan penekanan terhadap kemampuan teknikal seperti pengujian, pentauliahan, dan penyenggaraan, akreditasi ini juga memastikan graduan KV memenuhi kehendak Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 (Akta 768), serta siap sedia untuk berkhidmat dalam sektor industri.

Melalui inisiatif ini, MBOT bertekad untuk terus memacu kualiti pendidikan TVET dan memberikan peluang lebih besar kepada pelajar untuk berjaya dalam dunia teknologi yang pesat berkembang melalui jaminan kualiti program-program yang ditawarkan di institusi pengajian tinggi dan kemahiran.

Untuk maklumat lanjut mengenai program yang diakreditasi dan peluang pengajian, sila layari [www.mbot.org.my](http://www.mbot.org.my).

**-TAMAT-**

---

Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) merupakan sebuah badan profesional yang memberikan pengiktirafan profesional kepada Teknologis dan Juruteknik dalam bidang teknologi dan teknikal. MBOT telah ditubuhkan di bawah Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 [Akta 768] untuk mengiktiraf dan membangunkan profesion teknologis dan juruteknik sebagai profesion ikhtisas.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:  
Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT)  
E-mel: [t.nabila@mbot.org.my](mailto:t.nabila@mbot.org.my)  
+603-8800 6268/+6017-798 2604